

Keperluan Rang Undang-Undang 355: Analisis terhadap Usul Persendirian Yang Berhormat Ahli Parliment Marang

Farah Najwa Mazida¹, Siti Aisyah Samudin^{1*}

¹*Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia*

**Pengarang Penghubung*
ananjwa96@gmail.com, sitiaisyah.samudin@um.edu.my

Received: 12 January 2022

Accepted: 25 April 2022

Online First: 27 May 2022

ABSTRAK

Kajian kualitatif ini bertujuan menganalisis keperluan Rang Undang-Undang 355 bagi memperkasakan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) di Malaysia dengan merujuk kepada usul persendirian yang dibentangkan oleh Ahli Parliment Marang pada 6 April 2017. Kajian ini melihat kepada keadaan semasa kes-kes syariah yang semakin berleluasa, namun hukuman yang sedia ada tidak mampu menjadi mekanisme penyelesaian yang tuntas. Objektif artikel ini dilakukan adalah bagi mengenalpasti kerelevanan kerangka undang-undang sedia ada dalam menyelesaikan permasalahan masyarakat dengan menganalisis usul yang dibawakan oleh Ahli Parliment Marang iaitu Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 dengan cadangan meningkatkan tahap had hukuman kepada lebih tinggi dan bersesuaian. Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan melalui analisis dokumen merangkumi rujukan statut perundangan, artikel dari jurnal berimpak tinggi, serta rujukan kes yang telah selesai dari tahun 2015 sehingga 2020. Turut dimuatkan juga kajian lapangan dengan menemubual pengamal undang-undang daripada Bahagian Pendakwaan Mahkamah Syariah. Justeru satu penambahbaikan ke atas undang-undang jenayah

syariah wajar dilakukan demi meletakkan kedudukan sistem perundangan syariah Malaysia pada aras yang lebih baik. Selain itu, konflik bidangkuasa antara mahkamah sivil dan mahkamah syariah dalam pengendalian kes jenayah syariah akan sedikit terungkai dan keadilan sewajarnya dapat diberikan demi kemaslahatan masyarakat sejagat.

Kata Kunci: *Akta 355, Jenayah Syariah, Rang Undang-undang, Usul Persendirian*

The Need For Bill 355: An Analysis from Private Motion Members of Parliament for Marang

ABSTRACT

This qualitative study is conducted to analyze the need for Bill 355 in order to empower the Shariah Courts (Criminal Jurisdiction) Act 1965 (Act 355), by referring to a private member's motion tabled by the Parliament of Marang on April 6th, 2017. This study is pertained by the current situation of shariah cases which are prevalently raised, and still, yet the punishments are incapable of being a thorough settlement mechanism. In this study, the author has identified whether the existing legal framework is still relevant in solving the issues surrounding our community by analyzing the motion brought by the Parliament of Marang, namely Shariah Courts (Criminal Jurisdiction) (Amendment) Bill 2016 with a proposal to increase the limit level of punishment to higher and appropriate enforcement. Also in this study, the literature review methods have been used through the analysis of documents including the statut of law, various articles from high impact journals, as well as case references within 2015 till 2020. The field study is also conducted by interviewing legal practitioners of the prosecution division. In conclusion, the author found that an improvement on shariah criminal law should be made in order to put the position of the Malaysian shariah legal system to a better level. In addition, the jurisdiction conflicts between both civil and Shariah Courts specifically on the handling of shariah criminal cases will be somewhat resolved and justice can be given for the benefit of the global community, particularly for the Muslims.

Keywords: *Act 355, Shariah Criminal, Bill of Law, Private Motion*

PENDAHULUAN

Pada masa kini, bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah dalam aspek hukumannya adalah denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau sebat tidak melebihi enam kali sebatan atau gabungan hukuman-hukuman tersebut. Walau bagaimanapun, dengan kebejatan dunia hari ini, hukuman-hukuman berikut seolah-olah tidak mampu membendung jenayah yang semakin berleluasa dan menggusarkan (Nasri, M. S., 2018). Bukan itu sahaja, kelompongan dan kekurangan peruntukan seringkali diambil kesempatan oleh pihak tertentu untuk mencabar keabsahannya di mahkamah atasan.

Bagi orang Islam, undang-undang, agama dan tingkah laku manusia adalah perkara yang tidak dapat dipisahkan. Menurut Islam, perbuatan maksiat boleh menjadi dosa dan boleh dikenakan hukuman melihatkan kepada jenis perbuatan yang dilakukan, sebagai memberi pengajaran kepada orang lain. Sesuatu perilaku maksiat yang membarah dalam masyarakat amat wajar dikriminalisasikan dan diletakkan hukuman yang bersesuaian supaya ianya dapat dibendung dengan betul. Oleh itu, tugas tersebut perlulah dilaksanakan menerusi institusi yang mempunyai autoriti untuk berbuat demikian (Ismail, S. Z, 2014).

Objektif utama yang diketengahkan dalam kajian ini adalah penelitian terhadap perkembangan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam perkara jenayah, juga penelitian terhadap kerelevenan cadangan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) melalui usul persendirian yang dibentangkan oleh Ahli Parlimen Marang, YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang¹. Dalam usul tersebut, perkara pokok yang dicadangkan oleh beliau adalah pindaan bagi Seksyen 2, Akta 355 iaitu penambahan tempoh hukuman penjara, jumlah denda dan juga bilangan dan kaedah pelaksanaan hukuman rotan. Kajian turut dilakukan dengan menganalisis isu dan kes-kes melibatkan peruntukan tertentu yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri.

¹ Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Ketiga Belas Penggal Kelima Mesyuarat Pertama (Bil. 20), bertarikh 06 April 2017

Statistik pendaftaran kes jenayah syariah setiap negeri sekitar tahun 2013-2017 menunjukkan *trend* turun naik yang tidak tetap setiap tahun². Negeri Johor misalnya berlaku penurunan sebanyak lebih 12% apabila tahun 2015 dicatatkan sebanyak 1,996 kes dan tahun 2016 sebanyak 1,749 kes. Walaubagaimanapun berlaku peningkatan sebanyak 35% apabila tahun 2017 mencatatkan sebanyak 2,399 kes. Statistik negeri Perak bagi tahun 2017 sehingga 2018 mencatatkan peningkatan kes sebanyak 16.9%, manakala bagi tahun 2018 sehingga 2019 mencatatkan peningkatan kes sebanyak 31.8%.³ Statistik ini tidak melihat kepada tahun 2020 dan 2021 yang semestinya berkurang secara mendadak akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seluruh negara.

Undang-undang merupakan refleksi daripada kehendak masyarakat itu sendiri. Ketentuan dibuat berdasarkan kehendak masyarakat umum, atau biasa juga disebut sebagai kehendak umum sesebuah masyarakat berkenaan. Selain daripada kajian terhadap kerelevan pindaan Akta 355, pengkaji juga mendatangkan beberapa cadangan dalam usaha menambahbaik Undang-undang Jenayah Syariah, demi memelihara keadilan, maslahah umum dan maqasid syariah.

LATAR BELAKANG

Ahli Parlimen Marang, Dato' Seri Abdul Hadi Awang yang merupakan Presiden Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah membentangkan usul persendirian berkaitan Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016. Kronologi pembentangan beliau bermula pada tanggal 7 April 2015, di mana usul persendirian tersebut disenarai di bawah aturan mesyuarat dewan rakyat pada turutan ke-26. Namun demikian, atas faktor keterbatasan tempoh persidangan dewan rakyat yang pada waktu itu yang perlu mendahuluikan usul-usul kerajaan, maka usul persendirian ini tidak dapat dibentangkan⁴.

² “Statistik Daftar Kes Jenayah Syariah Seluruh Malaysia”, laman web Portal Data Terbuka, diakses pada 19 Jun 2021 <https://www.data.gov.my/app/set-data-terkini>,

³ Temubual Pendakwa Syarie Negeri Perak, Puan Husna Qalina Abu Hassan (16 Jun 2021), melalui kaedah temubual dalam talian (*google meet*).

⁴ “Rang Hudud Tidak Dibahas Selagi Urusan Kerajaan Tidak Selesai”, laman sesawang Berita Harian, diakses pada 2 Jun 2021 <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2015/06/62034/rang-hudud-tidak-dibahasselagi-urusran-kerajaan-tidak-selesai-speaker>

Sekitar 4 Jun 2015, YB Ahli Parlimen dikenakan saman pemula oleh empat individu dengan alasan usul tersebut bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan⁵. Mereka yang mengemukakan saman tersebut terdiri daripada peguam Mansoor Saat dan Azira Aziz, serta dua lagi aktiviti kebebasan iaitu Hazwany Jamaluddin dan Hasbeemaputra Abu Bakar. Peguam yang mewakili mereka ialah Siti Zabedah Kasim dan juga peguam Farez Jinnah. Walaubagaimanapun saman tersebut sama sekali tidak berasas.

Pada tanggal 24 November 2015, Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Zahid Hamidi, menyuarakan hasrat agar Majlis Perundingan Islam (MPI) dihidupkan semula mulai 2016. Penubuhan MPI adalah kesinambungan bagi Badan Perundingan Islam (BPI) yang pernah wujud sejak tahun 1982. BPI bertindak sebagai jawatankuasa pemikir yang berperanan sebagai penasihat kepada kerajaan dalam melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan terhadap agenda pembangunan negara khususnya dalam perkara pengurusan hal ehwal Islam disamping penambahbaikan taraf mahkamah syariah. Mesyuarat pertama dilakukan pada 11 Februari 2016.

Pada 7 Mac 2016, Mesyuarat Pertama Penggal ke Empat telah dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah. Baginda menasihati agar langkah pemeriksaan insitusi agama disegerakan. Pada 26 Mei 2016, usul persendirian yang disenaraikan pada turutan ke-15 telah dinaikkan ke nombor satu atas cadangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said menggunakan Peraturan Mesyuarat 14(2) menyebabkan usul persendirian berjaya dibacakan untuk kali pertama.

Pada 22 November 2016, Datuk Seri Zahid Hamidi telah memanggil semua ahli dewan rakyat yang beragama Islam untuk diberi taklimat khas. Ia bertujuan memahamkan ahli parlimen agar pindaan berjaya dilaksanakan. Pada tanggal 18 Februari 2017, Himpunan RUU 355 telah diadakan di Padang Merbok, Kuala Lumpur bagi menyatakan sokongan rakyat terhadap usul RUU 355. Himpunan tersebut dihadiri kira-kira 300,000 orang rakyat Malaysia. RUU 355 kemudiannya dibentangkan pada tarikh 6 April 2017

⁵ “Empat Halang RUU..”, laman sesawang Mstar diakses pada 2 Jun 2021 <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2015/06/09/empat-halang-ruu-akta-355>

sebagai bacaan kali ketiga⁶. Sehingga hari ini usul masih di peringkat pembacaan dan belum memasuki peringkat perbahasan.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam menyempurnakan sesebuah kajian ilmiah, tulang belakang terpenting yang menjadi pasak ke arah menjayakan kajian adalah metodologi itu sendiri. Metodologi kajian berperanan sebagai jambatan bagi menghasilkan kajian yang berkualiti dan bermutu.

Oleh yang demikian, beberapa metod telah diaplikasikan, antaranya seperti berikut:

Metod Pengumpulan Data

Sebagai permulaan dalam mendapatkan data kajian, pengkaji menggunakan metod pengumpulan data seperti berikut:

Kajian Kepustakaan

Dalam kajian ini, kaedah utama yang digunakan pengkaji untuk mendapatkan maklumat-maklumat bersifat fakta, teoritikal dan deskriptif adalah melalui metod kajian kepustakaan. Pengkaji mengumpulkan terlebih dahulu bahan-bahan penulisan yang bersangkutan dengan tajuk kajian dengan mengakses artikel-artikel berkaitan di laman-laman web seperti Perpustakaan Universiti Malaya dan penerbit-penerbit universiti luar. Antara buku yang menjadi rujukan utama dalam kajian kepustakaan ini adalah buku Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia yang ditulis oleh Professor Madya Dr. Siti Zubaidah Ismail, buku-buku sejarah perundangan di Malaysia dan buku-buku ilmiah lain yang berbahasa Arab, Inggeris dan Melayu. Bagi melengkapkan kajian kepustakaan ini juga, pengkaji turut menganalisis beberapa kes berkaitan tajuk bagi membuktikan wujudnya isu dan permasalahan kajian ini. Ini dilakukan dengan merujuk Jurnal Shariah, *Malayan Law Journal* (MLJ), *Current Law Journal* (CLJ) dan *Attorney General's Chamber of Malaysia* (AGC).

⁶ “Kronologi RUU 355” laman sesawang Harakahdaily, diakses pada 1 Jun 2021 <https://harakahdaily.net/index.php/2017/03/14/kronologiruu355/> [#LIHATSINI](https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=autonomi&d=102572)

Kajian Lapangan Melalui Temubual

Kajian lapangan dilaksanakan adalah untuk mengumpul dan mendapatkan data-data bersifat primer yang mempunyai kaitan dengan hukuman jenayah syariah Islam. Antara metod yang diaplikasikan untuk kajian ini ialah temubual. Dalam kajian ini, pengkaji memilih pendekatan temubual dalam menyelesaikan kajian lapangan. Temubual merupakan suatu proses interaksi dan komunikasi dari dua orang atau lebih (subjek dan objek). Metod ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat dengan bertanya langsung kepada responden. Pengkaji menggunakan pendekatan temubual berstruktur bagi menebual responden. Pengkaji telah mendapatkan calon responden dalam kalangan Pendakwa Syarie yang mewakili kes-kes jenayah syariah. Selain itu, YB Ahli Parlimen Marang juga telah cuba dihubungi namun keadaan kesihatan YB Ahli Marang yang tidak begitu mengizinkan, mengakibatkan temubual dengan beliau tidak berlaku, sebaliknya dilaksanakan bersama individu lain yang lebih dekat dan berautoriti.

Metod Analisis data

Setelah data-data yang diperlukan diperoleh melalui kaedah-kaedah yang digunakan, pengkaji kemudiannya menganalisis data-data terkumpul dan mengolah kajian bersesuaian dengan tajuk kajian. Kaedah yang digunakan adalah seperti berikut:-

Metod Induktif

Pendekatan induktif ialah proses pemahaman masalah kajian atau mencari penyelesaiannya dan ia berlaku secara generatif atau berterusan iaitu pengumpulan maklumat akan terus dilakukan sehingga salah satu-satu masalah tertentu itu dapat difahami secara terang ataupun penyelesaian dapat ditemui. Data yang telah dikumpulkan daripada kajian temu bual diberikan kod dan diuraikan menjadi ayat yang mudah difahami untuk dipaparkan dalam hasil atau dapatan kajian. Pengkaji mengaplikasikan kaedah ini untuk menghuraikan permasalahan dalam bab satu, pembentangan teori dan fakta sejarah di dalam bab dua,uraian lanjut isu jenayah syariah di dalam bab tiga, seterusnya cadangan baharu di bahagian rumusan di dalam bab lima. Antara yang dianalisis melalui metod ini ialah:

1. Data-data yang didapati daripada penyelidikan perpustakaan
2. Data-data temubual

Metod Deduktif

Melalui pendekatan deduktif pula, pengkaji menjadikan usul pindaan Akta 355 sebagai asas kepada rangka kerja dan pelaksanaan kajian. Berbeza dengan metod induktif, pengkaji mengemukakan pertanyaan-pertanyaan atau kenyataan yang bersifat umum dan merumuskannya menjadi bentuk yang lebih khusus. Pengkaji membuat rumusan bagi mendapatkan jawapan terhadap tajuk kajian, berdasarkan data-data yang diperoleh. Metod ini diaplifikasi dalam bab 4 atau 5, contohnya penerimaan Peguam Syarie atau Hakim Syarie terhadap pindaan Akta 355.

Metod Deskriptif

Melalui penggunaan metod ini, pengkaji berkemampuan membuat kesimpulan dan dapatan yang dengan cara memilih data untuk diproses, kemudian melakukan penyusunan, pengkategorian, penelitian dan perbandingan terhadap keseluruhan data. Data-data yang diperoleh dan dikumpulkan menerusi metod kajian kepustakaan dan temubual ini kemudiannya dianalisis dan diolah menggunakan kaedah analisis deksriptif. Hal ini kerana, analisis yang hendak dilakukan memerlukan pengkaji untuk membuat penjelasan dan mentafsirkan keperluan pindaan Akta 355 ini dengan sebaiknya. Sebagai contoh, cadangan pindaan yang terdapat di dalam usul YB Ahli Parlimen Marang ini bertepatan dengan Hukum Syarak atau sebaliknya. Kemudian, analisis juga dibuat dengan melihat kepada pendapat-pendapat Hakim atau Peguam Syarie yang terlibat secara langsung dengan Undang-undang Jenayah Syariah. Hasil analisis ini membantu pengkaji membuat rumusan dan mengemukakan cadangan yang tuntas di dalam kajian ini. Metod ini sangat penting bagi mencapai huraiyan yang tepat di atas landasan kajian. Ianya akan diguna pakai di dalam bab empat iaitu di bahagian analisis usul dan bab lima, bahagian rumusan dan cadangan.

ISU BERBANGKIT

Semenjak pindaan terakhir Akta 355 dilaksanakan pada tahun 1984, peruntukan-peruntukan yang digariskan itu telah digunakan oleh Mahkamah Syariah di Malaysia dan menjangkaui usia 30 tahun. Namun begitu, usia 30 tahun lebih itu bukanlah syarat untuk meyakinkan kita bahawa undang-undang sedia ada hari ini bersifat sempurna dan memenuhi tuntutan semasa masyarakat ketika ini (Ismail, S. Z., 2014). Dari sudut

pelaksanaan, undang-undang syariah yang lain seperti enakmen tatacara jenayah syariah, enakmen keterangan mahkamah syariah dan akta pentadbiran islam dan lain-lain lagi, ianya dirangka untuk membawa sistem kehakiman Syariah negara Malaysia ke tahap yang lebih baik. Hakikatnya, tiada satu pun undang-undang jenayah yang bersifat sempurna, termasuklah Kanun Keseksaan di Mahkamah Sivil.

Dalam membahaskan berkenaan keperluan Rang Undang-Undang 355 di Malaysia, kita perlu meneliti terlebih dahulu isu-isu dan permasalahan yang timbul berpunca daripada kelemahan bidang kuasa sedia ada. Perbincangan lanjut akan dihuraikan secara terperinci seperti di bawah.

1. Ketidakseimbangan Hukuman Ke atas Jenayah Syariah yang Melibatkan Persongkokolan Antara Pesalah Muslim Dan Bukan Muslim

Bahagian 1 Senarai II Jadual Kesembilan yang menyatakan bahawa Mahkamah Syariah, yang menjadi subjek kepada Rang Undang-Undang Akta 355, mempunyai bidang kuasa hanya untuk orang Islam dan tidak melibatkan orang bukan Islam. Perkara ini sememangnya jelas difahami oleh majoriti rakyat di Malaysia. Namun yang menjadi polemik ketika ini adalah apabila hukuman yang dikenakan ke atas kesalahan yang melibatkan persokongkokolan antara pesalah muslim dan bukan muslim, masing-masing menunjukkan perbezaan yang begitu ketara dan tidak seimbang.

Kebobrokan masalah jenayah pada hari ini menyaksikan bahawa masyarakat tidak lagi malu melakukan kesalahan, sehingga kadangkala kesalahan yang dilakukan itu tidak mampu diterima oleh akal manusia yang waras. Sebagai contoh, kesalahan zina yang berlaku antara dua orang pesalah, muslim dan bukan muslim. Kanun Keseksaan (Akta 574) tidak memperuntukkan kesalahan zina sebagai satu kesalahan, sebaliknya yang ada hanyalah kesalahan rogol seperti termaktub dalam seksyen 375. Berbeza dalam enakmen kesalahan jenayah Syariah negeri pula, setiap negeri memperuntukkan kesalahan zina menggunakan frasa seperti “zina”, “persetubuhan haram” dan “persetubuhan luar nikah” (Ismail S.Z., 2017). Akta Kesalahan

Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997⁷ misalnya, menetapkan hukuman persetubuhan luar nikah dengan denda tidak lebih lima ribu ringgit, atau penjara tidak lebih daripada enam sebatan atau kombinasi mana-mana hukuman. Berdasarkan kes zina antara muslim dan bukan muslim tadi, kita dapati bahawa wujudnya ketidakseimbangan hukuman apabila pesalah muslim diberikan hukuman manakala pesalah bukan muslim tidak dicas di bawah mana-mana peruntukan, sedangkan kesalahan tersebut dilakukan secara bersekongkol.

Pernah berlaku apabila seorang wanita Islam yang dituduh berkhawat dengan lelaki bukan Islam mengaku kertelanjurannya di Mahkamah Syariah dan didenda sebanyak RM1,000. Perkara yang menyediakan adalah semasa perbicaraan berlangsung, si lelaki terbabit (pasangan khawat) menunggu di luar mahkamah bagi melangsaikan denda bagi pihak Wanita Islam tersebut dan setelah itu kedua-duanya pergi meninggalkan perkaraan Mahkamah dengan tenang (Abu Bakar Z. R., 2018). Perkara ini jelas membuktikan kepada kita bahawa matlamat hukuman untuk memberi pengajaran sebenarnya tidak kesampaian. Denda yang sepatutnya menerbitkan rasa bersalah kepada pesalah muslim, ternyata dibayar oleh pesalah bukan muslim yang tidak menerima sebarang hukuman. Tidak mustahil kesalahan boleh berulang kembali.

2. Falsafah Hukuman Bagi Memberi Pengajaran Tidak Tercapai

Dalam membentuk sesebuah hukuman dalam perundangan Islam, matlamat yang jelas berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah menjadi perkara utama yang dititikberatkan. Islam menggariskan beberapa kriteria bagi memastikan sesebuah hukuman itu adil menurut neraca pertimbangan syarak. Di Malaysia, hukuman sedia ada secara jelasnya telah memenuhi matlamat hukuman seperti memberikan balasan kepada penjenayah dan menunjukkan konsep adil terhadap manusia. Namun yang menjadi permasalahan adalah apabila wujud hukuman yang gagal menghalang penjenayah daripada mengulangi kesalahan, dan seterusnya membantut matlamat memberikan pengajaran kepada masyarakat.

⁷ Seksyen 23 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 [Akta 559]

Lihat sendiri Akta 355 yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM5,000. Segelintir individu tidak terkesan langsung dengan denda berbentuk wang sebegini, dek kerana nilainya dianggap tidak begitu besar di zaman ini. Sekiranya hukuman yang diperuntukkan itu lebih besar pastilah orang-orang Islam di Malaysia akan berfikir beberapa kali sebelum bertindak berani untuk melakukan kesalahan (Abu Bakar Z. R., 2018).

Dalam penghakiman kes Pendakwa Hal Ehwal Agama Terengganu lwn Nor Thuraya bt Salleh [2014] 2 SHLR 130, Hakim telah menjatuhkan hukuman yang lebih berat terhadap OKT (disabit melakukan kesalahan persetubuhan luar nikah), memandangkan kesalahan yang dilakukannya adalah kesalahan kali kedua. Kesalahan kali pertama OKT adalah khalwat dan ketika itu OKT dihukum dengan denda sebanyak RM 1,800 atau 1 bulan penjara jika gagal bayar denda (OKT telah membayar denda). Melihat kepada situasi ini, Hakim berpendapat bahawa hukuman berbentuk *maliyyah* dan bukan *badaniyyah* kurang berkesan dalam memberi pengajaran dan pemulihan terhadap mereka yang disabitkan bersalah. Hal ini kerana, wang tidak lagi menjadi perkara yang sukar untuk diperolehi dalam dunia hari ini. Bahkan, kehilangan wang tidak menjadi suatu perkara yang memeritkan bagi individu yang sengaja melakukan kesalahan.

3. Undang-Undang Jenayah Syariah Yang Tidak Dinaiktaraf Membuka Ruang Mahkamah Syariah Untuk Dicabar

Kita telah pun memasuki era kebebasan bersuara tanpa sekatan. Semua pihak tidak kira latarbelakang pendidikan dan kedudukan semakin berani menyuarakan pendapat masing-masing dengan cara mengkritik, baik di alam maya maupun di alam nyata. Institusi berdaulat seperti Yang Dipertuan Agong turut tidak terkecuali daripada menerima tempias kritikan oleh segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab. Sama halnya yang berlaku terhadap institusi perundangan syariah di Malaysia. Menurut Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Musa Awang, kelompongan dalam Undang-undang Jenayah Syariah hari ini boleh membuka ruang kepada pihak-

pihak tertentu untuk mencabar keabsahannya sekiranya peruntukan tersebut tidak dikaji semula dan dinaiktaraf⁸.

Perkara 4 Jadual Kesembilan-Senarai Perundangan dalam Perlembagaan Persekutuan pada hari ini telah digunakan oleh sebahagian pihak untuk mencabar kuasa perundangan negeri dalam urusan penggubalan undang-undang. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan peruntukan tertentu yang terdapat dalam enakmen jenayah syariah negeri mampu dicabar keabsahannya oleh kerana kesalahan jenayah yang dimaksudkan itu turut terdapat dalam undang-undang Persekutuan. Perkara ini dapat dilihat menerusi kes Iki Putra Mubarak V. Kerajaan Negeri Selangor & Anor [2021] 3 CLJ 465 apabila Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa badan perundangan Selangor tiada kuasa menggubal undang-undang menjadikan seks luar *tabii* sebagai jenayah. Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat dalam penghakimannya berkata, hanya Parlimen yang mempunyai bidang kuasa menggubal undang-undang menjadikan seks luar tabii sebagai jenayah. Kesan daripada keputusan ini sekaligus telah mengehadkan bidang kuasa negeri-negeri dalam penggubalan jenayah syariah di Malaysia, khususnya berkaitan liwat.

Kelompongan lain yang wujud melibatkan perundangan Syariah ialah keabsahan pemakaian Arahan Amalan dalam pentadbiran kehakiman. Arahan Amalan Mahkamah Syariah tidak memiliki punca kuasa yang jitu berbanding Mahkamah Sivil. Oleh yang demikian, ketidakjelasan ini juga mampu membuka ruang kepada pihak-pihak yang tidak berpuas hati, untuk mencabar keabsahannya. Meskipun Arahan Amalan tidak bermaksud undang-undang, apatah lagi mewujudkan bidang kuasa mahkamah, namun peranannya begitu signifikan dalam menampung kekurangan yang terdapat dalam Akta/Enakmen Tatacara Mal dan Jenayah Syariah untuk menjelaskan prosedur yang kabur (Sulaiman, Z., et. al., 2021).

Cabaran ke atas kes-kes di Mahkamah Syariah sering menjadi polemik dan konflik bidangkuasa yang tidak berkesudahan. Lantaran itu, dalam

⁸ Laman sesawang Harian Metro, diakses pada 3 Jun 2021, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/678140/kaji-semula-undangundang-jenayah-syariah-elak-dicabar>

kajian ini, pengkaji mendatangkan tiga kes yang pernah menjadi tumpuan dan polemik negara, dengan menghuraikan fakta kes dan alasan penghakiman secara bersekali. Huraian lanjut kes adalah seperti di bawah.

- (i) SIS Forum (Malaysia) & Yang Lain lwn Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor & Yang Lain [2018] 6 CLJ 748

Kes ini bermula apabila Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor di bawah Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mewartakan satu fatwa berkenaan pemikiran liberalisme dan pluralisme agama. Kandungan fatwa bertarikh 17hb Julai 2014 adalah seperti berikut:

“FATWA PEMIKIRAN LIBERALISME DAN PLURALISME AGAMA⁹

1. *SIS Forum (Malaysia) dan mana-mana individu, pertubuhan atau institusi yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.*
2. *Mana-mana bahan terbitan yang berunsur pemikiran-pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah diharamkan dan boleh dirampas.*
3. *Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) hendaklah menyekat laman-laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan Hukum Syarak.*
4. *Mana-mana individu yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah bertaubat dan kembali ke jalan Islam.”*

⁹ Warta Kerajaan Negeri Selangor (2014), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Jil. 67, No. 16

Menurut Majlis Agama Islam Negeri Selangor, tindakan melanggar atau mempertikaikan fatwa yang telah diwartakan ini merupakan suatu kesalahan di bawah peruntukan seksyen 12(c) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995¹⁰. Berhubung dengan perkara 1 di dalam warta di atas, SIS Forum (Malaysia) disebutkan sebagai pertubuhan yang membawa fahaman liberalisme dan pluralisme. Oleh yang demikian, fatwa Selangor memutuskan SIS Forum (Malaysia) adalah sesat dan menyeleweng.

Bertitik tolak daripada warta ini, SIS Forum (Malaysia) telah membuat permohonan kes semakan kehakiman bagi fatwa tersebut di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada tahun 2014, setelah permohonan penjelasan yang diberikan kepada Responden-responden tidak dibalas. Pemohon mempertikaikan bahawa warta yang dikeluarkan oleh Jabatan Fatwa Negeri Selangor ini bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, iaitu Artikel 5, 7, 8, 10(1)(a), 10(1)(c), 10(2)(a), 10(2)(c), 11 dan 121(1). Responden-responden ketika itu telah membuat bantahan awal ke atas permohonan tersebut atas alasan Mahkamah Tinggi tiada bidang kuasa mendengar hal perkara tersebut kerana berada dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Namun, Hakim Asmabi Mohamad telah menolak bantahan awal Responden dan menerima permohonan semakan fatwa Pemohon. Apa yang berlaku seterusnya ialah, sebelum permohonan didengar kes ini diambil alih oleh seorang lagi Hakim Mahkamah Tinggi iaitu Hanipah Farikullah. Responden sekali lagi membuat bantahan awal terhadap permohonan kes dan kali ini bantahan tersebut diterima. Ini bererti permohonan semakan fatwa oleh Pemohon telah ditolak dan tidak dibicarakan. Pemohon kemudian bertindak membuat rayuan di peringkat Mahkamah Rayuan dengan merujuk isu sama ada Hakim Hanipah Farikullah telah bertindak betul dalam mengakas keputusan Hakim Asmabi Mohamad.

¹⁰ “Keputusan kes...” Laman web Majlis Agama Islam Selangor, diakses pada 2 Jun 2021 <https://www.mais.gov.my/keputusan-kes-semakan-kehakiman-melibatkan-sisforum-malaysia-dan-majlis-agama-islam-selangor-berhubung-fatwa-liberalisme-danpluralisme-agama/>

Berdasarkan rayuan kes semakan fatwa yang dikemukakan oleh Perayu di hadapan Mahkamah Rayuan ini, Hakim Mahkamah Rayuan, Abdul Rahman Sebli telah menerima permohonan rayuan Perayu. Beliau memutuskan bahawa sandaran kes Kijal Resort yang dibuat oleh Hakim Hanipah untuk memutuskan semula isu bidangkuasa mahkamah dianggap sebagai *res judicata*. Kesan daripada keputusan Hakim Hanipah ini telah menyebabkan Mahkamah Tinggi mengeluarkan dua keputusan yang bercanggah dan bertentangan, sedangkan mahkamah dengan bidang kuasa setara (dalam kes ini ialah Mahkamah Tinggi) tidak mempunyai kuasa untuk menolak keputusan satu lagi mahkamah yang mempunyai bidang kuasa setara. Kes ini diperintahkan agar dikembalikan ke Mahkamah Tinggi untuk didengar berdasarkan merit oleh hakim lain.

Terbaru, mahkamah menetapkan tarikh 11 Mac 2021 untuk untuk mendengar saman minta arahan di dalam kes ini dan kemudiannya akan menetapkan tarikh pendengaran perbicaraan¹¹. SIS Forum Berhad telah memohon kebenaran Mahkamah Persekutuan menurut Perkara 4(4) Perlembagaan Persekutuan, untuk mendapatkan satu deklarasi bahawa Seksyen 66A Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 adalah tidak sah. Sehingga hari ini, perbicaraan masih belum berakhir.

- (ii) ZI Publications Sdn Bhd & Satu Lagi lwn. Kerajaan Negeri Selangor; Kerajaan Malaysia & Satu Lagi [2018] 3 MLJ 706

Kes kedua yang pengkaji ingin ketengahkan ialah *ZI Publications Sdn Bhd & Satu Lagi lwn. Kerajaan Negeri Selangor; Kerajaan Malaysia & Satu Lagi*. Syarikat ZI Publications Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat penerbitan yang telah menerbitkan sebuah buku bertajuk ‘Allah, Kebebasan dan Cinta’. Buku ini pada asalnya ditulis oleh seorang pengarang buku dari Kanada bernama Irshad Manji dengan tajuk asalnya iaitu ‘*Allah, Love and Liberty*’. Ia kemudiannya telah diterjemahkan ke dalam

¹¹ “Seksyen 66A Enakmen Pentadbiran-Agama-Islam-Selangor-bakal-dicabar”, Laman sesawang Sinar Harian, diakses pada 2 Jun 2021 <https://www.sinarharian.com.my/article/126168/BERITA/Nasional/Seksyen-66A>

Bahasa Melayu dan diterbitkan oleh ZI Publications Sdn Bhd untuk dipasarkan di Malaysia. Pada tarikh 29 Mei 2012, Bahagian Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Selangor telah menyerbu pejabat ZI Publications Sdn Bhd dan merampas sebanyak 180 buah naskhah buku, kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah peruntukan seksyen 16 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Pada 17 Mac 2013 pula, pemegang saham majoriti dan pengarah syarikat tersebut turut dipertuduh oleh Mahkamah Syariah Selangor dengan kesalahan di bawah seksyen yang sama.

Bertitik tolak daripada pertuduhan itu, ZI Publications Sdn Bhd dan yang lain telah memfailkan satu petisyen di hadapan Mahkamah Persekutuan Putrajaya untuk memohon deklarasi bahawa seksyen 16 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 yang digunakan untuk pertuduhan tersebut adalah tidak sah. Pempetisyen membangkitkan isu dengan menyatakan bahawa Dewan Perundangan Negeri Selangor (DPNS) tidak memiliki kuasa untuk menggubal undang-undang sebegitu kerana hanya Parlimen yang mempunyai kuasa menggubal undang-undang menurut perkara 10(2)(a) Perlembagaan Persekutuan. Pempetisyen turut mempertikaikan sama ada tindakan yang dikenakan ke atas mereka dikira sebagai menyekat kebebasan dan hak bersuara, serta bertentangan dengan Bahagian II Perlembagaan Persekutuan.

Hakim Mahkamah Persekutuan iaitu Hakim Raus Sharif telah menolak petisyen terbabit dengan membawakan alasan penghakiman yang jelas dan diuraikan secara panjang lebar. Pertama, dalam menafsirkan Perlembagaan Persekutuan, prinsip asasnya adalah tiada peruntukan Perlembagaan boleh dipertimbangkan secara berasingan, melainkan ia mesti dibaca bersama-sama peruntukan lain yang berkaitan. Dalam hal ini, Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan mesti dibaca secara khusus bersama perkara 3(1) iaitu pengisytiharan Islam sebagai agama Persekutuan, perkara 11 iaitu jaminan hak setiap orang untuk menganut dan mengamalkan agama dan menyebarkannya, perkara 72 berkaitan kuasa keatas Perundangan Negeri untuk

menggubal undang-undang berkaitan perkara yang termaktub dalam Senarai Negeri, Jadual Kesembilan. Frasa '*pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu ...*' dalam Senarai Negeri, Jadual Kesembilan menunjukkan secara jelas bahawa di sana terdapatnya kuasa perundangan negeri dalam urusan hal ehwal agama, manakala perkara 121 pula menyentuh berkenaan Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa dalam apa-apa perkara yang merangkumi bidang kuasa Mahkamah Syariah. Oleh yang demikian, penggubalan undang-undang oleh badan perundangan negeri tersebut adalah sah dan tertakluk di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Kedua, tujuan Dewan Perundangan Negeri Selangor menggubal dan menguatkuaskan seksyen 16 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 adalah bertujuan untuk menghalang kewujudan sebarang penerbitan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Kesalahan yang dilakukan pempetisyen adalah bertentangan dengan Islam, oleh itu ianya termasuk di bawah skop Islam, dan hukuman yang dikenakan adalah had seperti yang ditetapkan dalam seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Maka, seksyen tersebut hakikatnya sahih dan tidak *ultra vires* Perlembagaan Persekutuan.

Akhir sekali, masyarat yang beragama Islam di Malaysia ini tertakluk kepada dua undang-undang iaitu undang-undang awam (digubal oleh Parlimen) dan undang Negeri merangkumi urusan agama (digubal oleh Badan Perundangan Negeri). Perlembagaan membuktikan kepada kita bahawa niat perangka-perangkanya adalah untuk membenarkan orang Islam di Malaysia ditadbir oleh undang-undang peribadi Islam itu sendiri.

- (iii) Iki Putra Bin Mubarak lwn. Kerajaan Negeri Selangor & Satu Lagi [2021] 3 CLJ 465

Kes terakhir menurut pengkaji yang menjadi polemik di Malaysia adalah *Iki Putra Bin Mubarak lwn. Kerajaan Negeri Selangor & Satu Lagi*. Kes yang menjadi perhatian ramai

pihak ini bermula apabila seorang lelaki bernama Iki Putra bin Mubarak telah dituduh di Mahkamah Tinggi Syariah atas kesalahan melakukan persetubuhan bertentangan hukum *tabii* dengan lelaki lain. Kes telah disiasat di bawah seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995 yang dibaca bersama-sama seksyen 52. Tidak berpuas hati dengan tuduhan itu, Pempetisyen (Iki Putra) kemudiannya memfailkan satu petisyen untuk mempertikai keabsahan seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995 dan mencabar kekompetenan Badan Perundangan Negeri Selangor (BPNS) dalam urusan penggubalan undang-undang, di hadapan Mahkamah Persekutuan Putrajaya.

Pempetisyen mempersoalkan berkenaan pentafsiran frasa pengecualian yang berbunyi, ‘kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan’ yang terkandung dalam item 1, Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan (‘Senarai Negeri’), serta menghujahkan kepada Mahkamah bahawa hanya seksyen 377 dan 377A Kanun Keseksaan yang terkandung di bawah undang-undang Persekutuan sahaja yang berkuasa mentadbir hal perkara bagi seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995 itu. Badan Perundangan Negeri Selangor dianggap tidak kompeten untuk meluluskan seksyen terbabit. Selain itu juga, pempetisyen turut membuat bantahan awal yang menyatakan pendapat pakar-pakar dalam dua affidavit yang difailkan Responden adalah tidak relevan. Hal ini kerana, pentafsiran Perlembagaan memerlukan mahkamah atasan untuk menentukannya, bukan daripada pakar yang berbidangkuasa dalam isu undang-undang.

Kes ini dipengerusikan oleh Ketua Hakim Negara iaitu Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun Tuan Mat, diikuti oleh 9 panel hakim iaitu Hakim Besar Malaya Yang Arif Tan Sri Azahar Mohamed, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Sabah dan Sarawak, serta barisan Hakim Mahkamah Persekutuan. Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun memutuskan bahawa peruntukan undang-undang syariah Selangor yang memperuntukkan seks luar *tabii* sebagai jenayah (seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah

Syariah (Selangor) 1995) adalah tidak sah dan berperlembagaan. Hanya Parlimen yang berbidang kuasa menggubal undang-undang yang menjadikan seks luar tabii sebagai jenayah.

Mengulas lanjut berkaitan kes tersebut, Yang Amat Arif telah menghuraikan dengan panjang lebar di dalam alasan penghakimannya. Bagi menjawab isu pendapat pakar dalam affidavit Responden adalah tidak relevan, Mahkamah berpendapat bahawa pakar-pakar tidak mempunyai apa-apa *locus* untuk memberi pendapat atas isu undang-undang. Oleh yang demikian, Mahkamah menerima bantahan awal pempetisyen dan membatalkan affidavit yang dikemukakan oleh pihak Responden.

Seterusnya, dalam menghuraikan kuasa menggubal kesalahan-kesalahan yang bertentangan dengan ‘perintah agama Islam’. ‘Perintah agama Islam’ di sini bermaksud ianya tidak terhad kepada lima rukun Islam semata, sebaliknya ruang lingkup yang boleh digubal adalah lebih luas. Namun begitu, kuasa untuk menggubal kesalahan-kesalahan itu tetap dibatasi oleh had perlembagaan. Dalam kes ini, liwat merupakan kesalahan yang dibayangkan oleh seksyen 28 Enakmen, dan perbuatan tersebut bertentangan dengan perintah agama Islam. Walaubagaimanapun, persoalan besar dalam hal ini adalah kekompetenan Badan Perundangan Negeri Selangor dalam menggubal undang-undang tersebut, berdasarkan klausu pengecualian. Begitu juga parlimen. Kuasa menggubal undang-undang peribadi Islam oleh Parlimen dihadkan berdasarkan item 1 Senarai Negeri yang membenarkan kuasa penuh Parlimen ke atas undang-undang peribadi Islam Wilayah Persekutuan.

Hakim Besar Malaya yang menyokong penghakiman Ketua Hakim Negara turut menambah dalam ulasan beliau dengan menyatakan bahawa, Perkara 8 Perlombagaan Persekutuan menentang kewujudan bersama seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Selangor dan seksyen 377 serta lain-lain Kanun Keseksaan atas perkara sama. Hal ini kerana, sekiranya tertuduh disabitkan di bawah Mahkamah Syariah, tertuduh akan dihukumkan dengan hukuman tidak melebihi tiga tahun

penjara, denda RM5,000 atau sebatan 6 kali, atau kombinasi antaranya sahaja. Sedangkan, tiga orang bukan Islam lain yang boleh didakwa di bawah seksyen 377 Kanun Keseksaan, boleh dihukumkan dengan hukuman jauh lebih berat iaitu penjara sehingga 20 tahun, dan juga dan juga sebatan. Yang Arif Hakim Besar Malaya turut berpandangan bahawa situasi ini membawa kepada diskriminasi agama seperti yang disebut di bawah Klausula (1) Perkara 8 Perlombagaan Persekutuan iaitu, setiap orang adalah sama rata bawah undang-undang dan berhak dilindungi sama rata. Oleh itu, Seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995 adalah tidak sah dan *ultra vires* Perlombagaan.

Reservasi yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Persekutuan iaitu Yang Amat Arif Datuk Zabariah Yusof telah mengambil kira berkenaan perkara 121(1A) Perlombagaan. Menurut beliau, kes *Indira Ghandi Mutho [2018] 3 CLJ 145* menunjukkan bahawa perkara 121(1A) tidak menghalang mahkamah sivil dari meneruskan perkara undang-undang Persekutuan, walaupun salah satu pihak yang terlibat telah memeluk Islam. Dalam kes Indira Ghandi ini, suaminya memeluk Islam, manakala isterinya tidak, ini membawa maksud si isteri tidak mempunyai *locus* untuk hadir ke Mahkamah Syariah dan Mahkamah Syariah tidak berbidang kuasa terhadap isterinya. Kes *Semenyih Jaya [2017] 5 CLJ 526* pula menunjukkan bahawa bidang kuasa mahkamah telah pun diperuntukkan oleh undang-undang. Mahkamah Rayuan berbidang kuasa mendengar rayuan dari Mahkamah Tinggi merujuk kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Ketiga-tiga kes yang dipilih oleh pengkaji ini memiliki latarbelakang yang sama iaitu dari sudut tindakan mencabar keabsahan undang-undang dan kekompetenian Badan Perundangan Negeri dalam penggubalan undang-undang. Kes pertama ialah *SIS Forum (Malaysia) & Yang Lain Lwn Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor & Yang Lain*. Walaupun setelah permohonan semakan fatwa ditolak atas sebab Mahkamah Tinggi tidak berbidang kuasa menguruskan kes berkaitan agama, namun atas merit tertentu kes ini diterima untuk dibicarakan

semula. Bahkan sehingga hari ini, kita dapat melihat bahawa SIS Forum begitu berusaha menegakkan pertubuhan mereka yang telah difatwakan sebagai sesat dan menyeleweng.

Menurut Ahmad Hidayat Buang, fatwa merupakan mekanisme paling ampuh untuk membendung ajaran sesat kerana ia dikeluarkan tanpa melibatkan proses perundangan yang panjang (Buang, A. H., 2011). Di Malaysia, fatwa dianggap bukan semata-mata sebagai hukum agama yang mengikat tetapi juga sebagai sesuatu yang dapat memelihara dan melindungi integriti Islam dan umat Islam secara keseluruhannya (Chiroma, M., 2014). Perlu dingat bahawa, antara ancaman aliran pemikiran yang semakin berleluasan hari ini ialah perjuangan liberalisme atas nama keadilan, hak kesamarataan dan hak kebebasan individu. Golongan ini menurut Yusuf Al Qaradawyy, akan sentiasa berusaha menyebarkan fahaman dan ideologi mereka melalui pelbagai cara seperti penulisan, suara-suara termasuklah di media dan sebagainya (Al-Qaradawi, 2000).

Pengkaji berpendapat bahawa tindakan SIS ‘memperjuangkan’ pertubuhan mereka untuk diterima di sisi undang-undang ini adalah sangat berbahaya kepada masyarakat. Ini kerana, SIS Forum merupakan gerakan yang membawa fahaman ideologi terbuka. Mereka memandang undang-undang Islam sebagai suatu penindasan terutama terhadap golongan wanita. Atas pendirian itu juga lah, SIS Forum kini giat mengkaji al-Quran untuk mengubah undang-undang Islam sedia ada mengikut kesesuaian mereka.¹² Tetapi pada hakikatnya, mereka acapkali menggunakan dalil yang tidak relevan dengan isu dan menjadikan dalil al-Quran sebagai penguat hujah kosong mereka semata-mata (Bahrudin, F. N. M., 2018).

Perkara yang hampir sama turut berlaku melibatkan kes *ZI Publications Sdn Bhd & Satu Lagi lwn. Kerajaan Negeri Selangor; Kerajaan Malaysia & Satu Lagi*. Tindakan Pempetisyen yang membangkitkan isu keabsahan seksyen 16

¹² “Memahami Pindaan Akta 355 dan Impaknya Kepada Rakyat Malaysia” (17 Oktober 2016). Laman sesawang Sisters In Islam diakses pada 3 Jun 2021 <http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.1443.121>.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995 telah tidak diterima oleh mahkamah. Alasan penghakiman yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Persekutuan ketika itu adalah sangat jelas. Hakim merujuk kepada penghakiman kes *Sulaiman Takrib lwn. Kerajaan Negeri Terengganu; Kerajaan Malaysia (Intervener) & Yang Lain [2009] 2 CLJ 54* oleh Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif Tun Abdul Hamid. Beliau telah menggariskan kesalahan jenayah di bawah perkara 1 Senarai Negeri dengan empat limitasi; (a) terhad untuk orang yang menganut agama Islam; (b) ianya bertentangan dengan ajaran Islam; (c) ianya tidak berkaitan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; dan (d) ia berada dalam had yang ditetapkan oleh seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.

Oleh yang demikian, dalam membicarakan kekompetenan Badan Berkuasa Negeri untuk menggubal undang-undang ini, pengkaji berpendapat bahawa Pempetisyen seharusnya mencerminkan diri terlebih dahulu sama ada kesalahan yang dilakukan itu bertentangan dengan ajaran Islam ataupun tidak. Dalam kes ini, jelas sekali kandungan penerbitan adalah bertentang dengan Islam dan Pempetisyen wajar dipertuduh di bawah Seksyen 16 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

Akhir sekali, pengkaji mengetengahkan kes *Iki Putra Bin Mubarrak lwn. Kerajaan Negeri Selangor & Satu Lagi*, iaitu kes yang pernah menjadi bualan dan tumpuan masyarakat pada awal tahun 2021. Bagi pengkaji, penghakiman bagi kes ini agak unik kerana ianya bukan sahaja melibatkan konflik bidangkuasa, sebaliknya keputusan kes yang berhasil dijangka memberi kesan yang besar terhadap masa depan perundungan jenayah syariah di Malaysia.

Kes yang hampir sama pernah berlaku pada tahun 1999, iaitu kes *Sukma Darmawan [1999] 2 CLJ 707 FC*. Dalam kes tersebut mahkamah memutuskan bahawa kes liwat ini boleh dibicarakan di mahkamah sivil ataupun mahkamah syariah, kerana kedua-dua mahkamah berbidang kuasa atas kesalahan liwat. Berbeza dengan

pendekatan Mahkamah Persekutuan dalam kes Iki Mubarak ini apabila Mahkamah memutuskan untuk membatalkan kesahan seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995, dengan alasan bertentangan dengan Perlembagaan dan kesalahan liwat tertakluk di bawah bidang kuasa mahkamah sivil.

Seperti semua maklumi, Perlembagaan Persekutuan telah menyediakan ruang lingkup yang jelas berkenaan bidang kuasa bagi Parlimen dan DUN. Bukan itu sahaja, terdapat juga garis pemisah¹³ antara kedua mahkamah seperti yang dijelaskan dalam Subseksyen 1A Peruntukan 121 Perlembagaan, iaitu;

(1A) Mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Di suatu sudut yang lain, tindakan Mahkamah menetapkan kesalahan ini untuk dibicarakan di Mahkamah Sivil meletakkan tertuduh di bawah hukuman yang lebih berat berdasarkan Kanun Keseksaan. Namun demikian tindakan membatalkan peruntukan di bawah enakmen jenayah syariah akan menyebabkan peruntukan yang sama dalam enakmen negeri-negeri lain turut terbatal. Menurut Musa Awang, Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia, keputusan ini juga akan membuka ruang kepada pihak-pihak lain untuk mencabar peruntukan-peruntukan lain yang terdapat dalam enakmen.¹⁴

¹³ M. H. Mansor (2021), Ulasan Kes Iki Putra Dalam Kesalahan Liwat Dan Harmonisasi Bidang Kuasa Mahkamah Sivil Dan Syariah, Terengganu Strategic & Integrity Institute (Tsis) diakses pada 3 Jun 2021) <https://www.tsis.my/wp-content/uploads/PERSPEKTIF-Ulasan-Kes-Iki-Putra-dalam-Kesalahan-Liwat-dan-Harmonisasi-Bidang-Kuasa-Mahkamah-Sivil-dan-Syariah-.pdf>.

¹⁴ “Persatuan Peguam-Peguam Syarie Malaysia Suarakan..” Laman sesawang Ummah Today, diakses pada 3 Jun 2021, <https://ummahtoday.com.my/persatuan-peguam-syarie-msia-suarkankebimbangan-berhubung-keputusan-kes-iki-putra-lawan-kerajaan-selangor/>

ANALISIS KANDUNGAN USUL YANG BERHORMAT AHLI PARLIMEN MARANG

Berdasarkan ucapan usul yang dikemukakan oleh YB Ahli Parlimen Marang di Dewan Rakyat ini, pengkaji akan menghuraikan lebih lanjut dapatan kajian ini dengan membahagikan item-item penting yang menjadi isi kandungan ucapan yang disampaikan. Pengkaji membahagikan kepada tiga item iaitu; autonomi dan bidangkuasa Mahkamah Syariah, prinsip Rang Undang-Undang 355, serta cadangan pindaan meliputi hukuman penjara maksimum 30 tahun, denda tidak melebihi RM100,000 dan sebatan syarie sebanyak seratus kali.

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN DI BAWAH P.M. 49(1): RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH SYARIAH (BIDANG KUASA JENAYAH) (PINDAAN) 2016

“Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Marang untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 seperti berikut:-Pindaan Seksyen 2

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] dipinda dalam proviso kepada seksyen 2 dengan menggantikan perkataan “penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali” dengan perkataan “penjara selama tempoh melebihi tiga puluh tahun atau denda melebihi satu ratus ribu ringgit atau sebatan satu ratus kali sebagaimana ditadbir selaras dengan tatacara jenayah Syariah”.

1. Autonomi Dan Bidangkuasa Mahkamah Syariah

“Kepentingan politik di peringkat negeri perlu menyedari bahawa autonomi sebenar yang akan dinikmati hasil daripada pindaan 355 itu nanti adalah kerajaan negeri. Hanya Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan perkenan Ketua Agama

Negeri iaitu Sultan dan Yang di-Pertuan Agong bagi Wilayah Persekutuan, Sultan-sultan yang berkuasa untuk memutuskan sama ada untuk menunaikan kadar hukuman yang diperuntukkan dalam Enakmen-enakmen Syariah Negeri, [Akta 355] yang berada di bawah kuasa Parlimen akhirnya berfungsi meletakkan hukuman maksimum yang boleh digubal oleh Dewan-dewan Undangan Negeri. Kita ingin mengulangi bahawa bidang kuasa Mahkamah Syariah terhad setakat kesalahan-kesalahan yang terkandung dalam Butiran 1, Senarai Negeri. Perlembagaan Persekutuan malah Mahkamah Syariah tiada bidang kuasa ke atas bukan Islam.”

Petikan di merupakan ucapan YB Ahli Parlimen Marang sebelum mengulas lanjut berkenaan cadangan usul persendirian yang dikemukakan di Dewan Rakyat. “Autonomi” menurut tafsiran Kamus Dewan Edisi Keempat ialah hak mengurus pemerintahan dan pentadbiran secara bersendiri tanpa campur tangan penguasaan atau pengendalian oleh pihak yang tidak berkaitan. Manakala “bidangkuasa” pula menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua ditafsirkan sebagai kuasa yang telah ditetapkan dengan batasan tertentu dan diberikan kepada sesebuah badan kerajaan atau pejabat sesuatu jawatan utk membolehkannya menjalankan tugas dengan berkesan .

Dalam memahami kedudukan sebenar Akta 355 ini, amat wajar untuk kita mengetahui terlebih dahulu takat bidangkuasa dan autonomi yang berkaitannya. Perlembagaan Persekutuan telah menyatakan berkenaan Perkara 3 dan Perkara 11 di mana kedua-duanya merupakan antara perkara terpenting untuk diperjelaskan kepada masyarakat di negara Malaysia.

Perkara 3 dan Perkara 11 sememangnya berperanan meletakkan agama Islam pada kedudukan yang istimewa, di samping tidak menghalang agama-agama lain untuk diamalkan di negara ini. Dengan adanya perkara ini, ia menjadi antara tonggak kekuatan keberlangsungan Islam di negara kita dan juga dapat menangkis kenyataan yang menyebut bahawa Malaysia adalah sebuah negara sekular, sepertimana yang disebutkan oleh Suruhanjaya Reid dalam laporan syor iaitu, “shall not imply that the state is not a secular state”. Menurut Wan Ahmad Fauzi Wan Husain (Fauzi., 2021), frasa tersebut bukanlah asas

yang disyorkan oleh Suruhanjaya Reid kepada Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1957, sebaliknya ia merupakan cadangan daripada Perikatan untuk memasukkan frasa tersebut.

Huraikan berkenaan Perkara 3 dan 11 dibuat berikutkan peruntukan ini memberi indikasi adanya ruang luas terhadap kerajaan untuk berusaha meninggikan syiar Islam di Malaysia. Menurut Haji Hasan Baharom (Hassan, 1999), kerajaan tidak dihalang untuk menyebarkan Islam bahkan kerajaan sendiri tidak boleh menghalang proses perkembangan agama Islam di negara ini, kecuali sekiranya perkembangan tersebut menggugat akidah dan ketenteraman awam. Kuasa yang dimaksudkan di sini telah diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan kepada badan berkuasa negeri. Ini bermakna badan berkuasa agama negeri seperti jabatan agama Islam dan majlis agama Islam, berhak membuat sebarang tindakan berkaitan hal ehwal agama Islam yang difikirkan munasabah terhadap negeri masing-masing.

Bidang kuasa negeri adalah tertakluk di bawah Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri, manakala frasa khusus berkaitan dengan bidang kuasa jenayah diperuntukkan seperti berikut:

“...pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan.”

Peruntukan ini sekaligus menunjukkan kepada kita bahawa autonomi sebenar apabila pindaan akta 355 berjaya diluluskan di peringkat Parlimen, adalah Dewan Undangan Negeri (DUN), manakala Sultan dan Yang di-Pertuan Agong yang berfungsi sebagai ketua agama Islam berkuasa dalam memperkenankan sesuatu undang-undang yang hendaklah dilaksanakan di negeri-negeri di Malaysia. Perlu difahami juga bahawa mahkamah syariah tidak berbidang kuasa ke atas rakyat yang bukan beragama Islam. Oleh yang demikian sekiranya sesuatu kesalahan itu berlaku antara seorang yang beragama Islam dan bukan beragama Islam, maka hanya individu yang beragama Islam sahaja yang akan diadili di mahkamah syariah. Penjelasan berkenaan autonomi yang disebut dalam ucapan YB Ahli Parlimen Marang ini

penting bertujuan supaya usul yang dikemukakan dapat dibahas secara matang dan tidak bersentimen.

2. Prinsip Rang Undang-Undang 355

“Rang Undang-undang 355 bertujuan memperkenalkan prinsip dan konsep sistem kehakiman Islam dan juga memperkenalkan konsep dan cara hukuman Islam yang berbeza dengan yang lain kerana tujuannya mendidik penjenayah dan masyarakat, bukannya menyeksa. Di mana kehakiman Islam berdasarkan kepada dua prinsip, beriman kepada Allah dan beriman kepada hari akhirat. Dua konsep, takwa dan adil kepada semua. Beriman kepada Allah, kepada hari akhirat merupakan Rukun-rukun Iman bagi seorang Islam yang menjadi hakim dan melibatkan mahkamah.”

Islam merupakan agama yang mencakupi keseluruhan ruang lingkup kehidupan sama ada dari sudut ekonomi, pentadbiran, pendidikan, undang-undang dan pelbagai lagi sudut. Undang-undang di situ termasuklah soal kehakiman Islam dan prinsip-prinsip di dalamnya. Menyentuh berkenaan usul yang dikemukakan oleh YB Ahli Parlimen Marang ini, beliau menyatakan bahawa tujuan hukuman di sisi Islam adalah untuk mendidik penjenayah dan masyarakat, bukannya menyeksa. Manakala kehakiman Islam pula adalah berdasarkan dua prinsip utama iaitu beriman kepada Allah dan beriman kepada hari akhirat.

Menurut Abdul Halim Zulkifli (Halim, 2015) , hukuman merupakan salah satu daripada langkah pemulihan ke atas pelaku jenayah. Objektif hukuman itu sendiri untuk membentuk semula penjenayah menjadi individu yang lebih bertanggungjawab dan menyelamatkannya daripada menjadi sampah masyarakat. Untuk lebih memahami konsep ini, kita perlu melihat secara ringkas bagaimana sistem kehakiman berfungsi di zaman Rasulullah SAW dan di zaman para sahabat.

3. Cadangan Pindaan Usul Persendirian

Akta 355 seperti sedia maklum tidak melibatkan kesalahan jenayah awam seperti mencuri, merompak, merogol dan sebagainya yang merupakan bidang kuasa persekutuan di bawah Kanun Keseksaan. Dalam bahagian ini, pengkaji membahaskan secara lanjut cadangan pindaan Akta 355 yang dikemukakan oleh YB Ahli Parlimen Marang di dalam Dewan Rakyat. Cadangan yang dimaksudkan adalah dengan menaiktaraf hukuman yang terdapat dalam Akta 355 daripada penjara tidak lebih tiga tahun atau denda tidak lebih RM5,000 atau sebat tidak lebih enam sebat atau gabungan hukuman itu, kepada penjara maksimum tiga puluh tahun, atau denda tidak melebihi RM100,000 atau sebatan syarie sebanyak seratus sebatan, atau gabungan hukuman tersebut.

“Saya hendak sebutkan bahawa berdasarkan kepada satu perundangan iaitu Criminal Justice Act 1953, Akta Keadilan Jenayah 1953 yang telah dibuat pindaan oleh Parlimen Malaysia pada tahun 2007 telah mendefinisikan penjara seumur hidup, life imprisonment kepada 30 tahun. Sebelum itu dikira 20 tahun. Sekarang ini, maksud penjara seumur hidup iaitu hukuman yang paling tinggi sebelum hukuman mati, penjara seumur hidup adalah 30 tahun...”

Petikan di atas diambil daripada ucapan Dato' Takiyuddin bin Hassan, YB Ahli Parlimen Kota Bharu dalam ucapan sokongannya terhadap cadangan YB Ahli Parlimen Marang. Dalam kenyatan tersebut disebutkan bahawa penjara seumur hidup iaitu selama 30 tahun merupakan hukuman paling tinggi selepas hukuman mati, dan ianya didefinisikan sebagai penjara seumur hidup menurut Akta Keadilan Jenayah 1953. Dalam huraihan beliau, turut disebutkan:

“...Akta 355 yang pinda kepada 30 tahun ini memberikan maksimum 30 tahun. Terpulanglah kepada negeri-negeri apabila dia enact, dia membuat undang-undang di peringkat negeri, dia hendak ambil 10 tahun kah, 20 tahun, asalkan tidak melebihi 30 tahun. This is a blanket provision. Terpulang kepada negeri-negeri untuk mengambil ini. Ini maksimum”

Kita sedia maklum bahawa bidang kuasa (jenayah) bagi mahkamah syariah hanya terhad kepada lebih empat puluh kesalahan-kesalahan sahaja, antaranya seperti ; perbuatan sumbang mahram, pelacuran, muncikari, persetubuhan luar nikah, perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, liwat, musahaqah, khalwat dan lain-lain lagi. Meskipun ianya tidak menyentuh kesalahan berat di bawah kanun keseksaan, tetapi hukuman pemenjaraan pada tempoh yang tinggi terhadap pesalah syariah ini merupakan antara hukuman yang sesuai untuk menangani kesalahan-kesalahan sedemikian sementelah mahkamah syariah tidak berhak menetapkan hukuman mati. Apabila disebutkan “maksimum 30 tahun”, ianya sama sekali tidak bermaksud setiap kesalahan mesti dihukumkan dengan penjara 30 tahun, sebaliknya frasa “maksimum” itu sendiri membawa maksud jumlah yang sebanyak-banyaknya. Sama seperti yang dihuraikan di bahagian 4.2.1, sekiranya pindaan Akta 355 ini diluluskan, ianya tetap bergantung kepada Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk menentukan undang-undang yang hendak diguna pakai di negeri masing-masing. DUN berhak menetapkan tempoh pemenjaraan yang kurang daripada 30 tahun, tetapi tidak boleh menambah tempoh sehingga melebihi jumlah maksimum tersebut.

Seterusnya, dalam mengemukakan cadangan mengenai penambahan nilai denda berjumlah tidak melebihi RM100,000 ini, YB Ahli Parlimen Marang turut membuat perbandingan terhadap denda undang-undang sivil yang berjumlah sehingga RM50,000 untuk kesalahan seperti memelihara burung tertentu yang tidak dibenarkan, sedangkan nilai denda tertinggi bagi kesalahan jenayah syariah hanyalah RM5,000, walaupun terhadap kesalahan berat seperti mengajar ajaran sesat kepada masyarakat. Beliau dilaporkan sebagai berkata:

“Sebagai contoh, bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, undang-undang sivil boleh memperuntukkan denda sehingga RM50,000 ke atas seorang yang didapati bersalah memelihara burung tertentu. Sedangkan kesalahan syariah seperti mengajar ajaran sesat yang berjaya menyelewengkan akidah atau memurtadkan sebegitu ramai pengikutnya yang beragama Islam di negara ini. Jika disabitkan kesalahannya hanya boleh didenda tidak lebih daripada

RM5,000. Apakah demikian rendahnya nilai harga sebuah akidah Muslim?”

Pengkaji secara peribadi beranggapan perbandingan ringkas yang dibuat ini telah secara tidak langsung menggambarkan kepada kita di mana kedudukan kesalahan jenayah syariah di sisi undang-undang Malaysia. Pengkaji cuba menyenaraikan contoh kesalahan-kesalahan yang menetapkan hukuman denda yang tinggi, seperti jadual di bawah:

Jadual 1: Contoh Kadar Denda Undang-Undang Sivil

Akta/Peraturan	Kesalahan	Nilai Denda
Peraturan 17 Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2018	Melekat label pemerakuan kelengkapan komunikasi yang tidak diperakui (palsu)	RM 100,000
Seksyen 64 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010	Memungut sarang burung tanpa suatu lessen	Tidak kurang daripada RM20,000
Seksyen 47 (1) & (4) Akta Perhutanan Negara 1984	Memasuki Hutan Tertutup tanpa kebenaran	Tidak melebihi RM 10,000
Seksyen 43(1) Akta Pengangkutan Jalan	Memandu dengan Tidak Cermat dan Tidak Bertimbang Rasa	Tidak kurang daripada RM4,000 dan tidak lebih daripada RM10,000
Seksyen 4 Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) (No 2) 2021	Penerbitan Berita Tidak Benar	Tidak melebihi RM100,000

Sumber: Akta/Peraturan di Malaysia

Jadual 1 menunjukkan kesalahan-kesalahan undang-undang sivil yang memperuntukkan denda yang tinggi melebihi jumlah denda di mahkamah syariah yang hanya bernilai RM5,000 semenjak tahun 1984. Antara faktor hukuman denda tersebut tinggi nilainya adalah kerana kesalahan-kesalahan yang dinyatakan tersebut melibatkan keselamatan negara. Sebagai contoh Seksyen 4 Ordinan Darurat

(Kuasa-kuasa Perlu) (No 2) 2021. Ordinan ini berfungsi untuk jangka masa yang pendek sahaja berikutan terlalu banyak penularan berita tidak benar mengenai COVID-19 yang boleh mengganggu kelancaran program vaksinasi kebangsaan yang dirangka pihak kerajaan. Ianya demi ketenteraman dan kepentingan awam pada masa ini.

Dalam menilai faktor kepentingan awam sekiranya kesalahan tersebut tidak dibendung, kesalahan jenayah syariah yang terdapat di dalam akta atau enakmen kesalahan jenayah syariah di Malaysia ini juga sebagiannya melibatkan kepentingan awam yang sangat besar. Sebagai contoh, Negeri Selangor menetapkan kesalahan mengajarkan doktrin palsu berhubungan dengan agama Islam boleh dihukum dengan denda tidak melebihi lima ribu ringgit, penjara tidak lebih tiga tahun atau sebat tidak lebih enam sebatan atau kombinasi manapun hukuman . Kadar denda lima ribu ringgit tersebut terlalu kecil jika dibandingkan dengan kesalahan yang dilakukan yang boleh memudaratkan akidah masyarakat beragama Islam di Malaysia.

Menurut Presiden Persatuan Peguam-peguam Muslim Malaysia, Datuk Zainul Rijal, hukuman denda yang dikenakan ke atas pesalah syariah terlalu rendah membuatkan pesalah syariah tidak serik untuk mengulangi kesalahan yang sama . Menurutnya lagi, berdasarkan pengalamannya sebagai peguam, seorang pekerja seksual pernah mengaku atas kesalahan zina dan dikenakan hukuman denda sebanyak RM3,000. Namun, denda yang dikenakan itu mampu diselesaikan begitu mudah apabila dibantu oleh pihak lain yang bertindak selaku majikan dan muncikari kepada pekerja seksual berkenaan. Tindakan tidak dapat dikenakan ke atas muncikari berkenaan apabila didapati bahawa beliau bukan beragama Islam.

Menurut al-Khuza'im (2002) , pencegahan jenayah dalam Islam adalah bertujuan melindungi dan menjaga keselamatan masyarakat daripada sebarang kejahatan mahupun kerosakan. Sebarang bentuk pencegahan yang dilaksanakan sama ada berbentuk ancaman mahupun hukuman, telah dicipta untuk menjadi teladan kepada setiap lapisan masyarakat. Dengan kata lain, apabila apabila sesuatu hukuman diketahui dan diwar-warkan kepada masyarakat, maka ia secara tidak langsung telah mendorong masyarakat untuk tidak melakukan jenayah tersebut kerana bimbang diri mereka akan menerima hukuman yang sama.

Dari suatu sudut yang lain pula, rata-rata hakim syarie di Malaysia ini cenderung untuk menjatuhkan hukuman berbentuk denda terhadap pesalah syariah berbanding hukuman sebat mahupun penjara. Kecenderungan ini pula berkait dengan faktor seperti ketiadaan penjara khas pesalah syariah dan kaedah sebatan sivil yang diamalkan. Oleh yang demikian, keterbatasan pemilihan hukuman yang berlaku ini wajar dijadikan penanda aras bagi kenaikan nilai denda dalam sabitan hukuman.

Seterusnya, pengkaji ada menghuraikan bahawa kecenderungan hakim syarie memilih hukuman denda berbanding penjara dan sebat adalah kerana ketiadaan penjara khas pesalah syariah dan kaedah sebatan sivil yang menjadi amalan di Malaysia. Perkara tersebut turut menjadi perhatian YB Ahli Parlimen Marang apabila beliau mencadangkan hukuman sebatan syarie dijalankan di mahkamah syariah dengan maksimum sebanyak seratus kali sebatan dengan mengulas:

“Sebatan dalam Islam berbeza dengan sebatan dalam undang-undang sivil. Sebatan dalam Islam disebut dalam kitab-kitab fiqah semua mazhab, mestilah dengan alat sebat yang sederhana, yang tidak berat dan tidak ringan, tidak boleh mengangkat lebih tinggi daripada kepala, tidak boleh mengoyakkan kulit, tidak boleh mencederakan dengan tujuan untuk memalukan, bukan untuk menyeksa. Ini sebatan dalam Islam. Bunyinya 100. Bunyinya 20 tetapi berbeza dengan sebatan undang-undang sivil.”

Menurut Professor Ahmad Ibrahim , hukuman sebat yang dijalankan oleh penjara-penjara di Malaysia ini bukanlah mengikut kaedah yang digariskan dalam Islam. Beliau turut berpendapat Mahkamah Syariah seharusnya diberikan satu peruntukan khusus untuk membicara dan menghukumkan kesalahan yang boleh dikenakan hukuman sebat, bagi membolehkan sebatan dijalankan mengikut hukum syarak. Pada hari ini, walaupun pengaplikasian sebatan syarie masih belum menyeluruh di semua mahkamah syariah, terdapat negeri tertentu yang telah melaksanakan hukuman sebatan syarie iaitu negeri Sabah, Kelantan dan Terengganu.

Hukuman sebat menurut syarak pada asasnya termasuk dalam hukuman hudud. Ianya diperuntukkan bagi kesalahan jenayah hudud seperti minum arak, zina, qozaf, rompak berkumpulan, mencuri dan perbuatan memberontak melawan kerajaan. Islam mensyariatkan hukuman hudud tidak lain dan tidak bukan untuk memelihara kesucian agama Islam dan menjaga hak-hak manusia dalam mendapatkan kesejahteraan hidup. Hukuman sebat ini sebenarnya juga boleh digunakan sebagai hukuman takzir bagi jenayah takzir yang lain. Walaubagaimanapun bilangan sebat terhadap kesalahan takzir adalah jauh lebih rendah berbanding terhadap kesalahan hudud. Sebahagian ulama berpendapat bilangan minima sebat terhadap kesalahan takzir adalah sebanyak sepuluh sebatan.

Untuk memahami lebih mendalam berkenaan pelaksanaan hukuman sebatan syarie dalam konteks Malaysia, pelaksanaan dan penguatkuasaannya boleh dirujuk melalui pelaksanaan hukuman sebat di Kelantan. Kelantan merupakan antara negeri teawal yang meluluskan kaedah pelaksanaan hukuman sebat iaitu melalui Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat Kelantan 1987 di bawah Enakmen Kanun Acara Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1983. Mulai tahun 2002, negeri Kelantan menggunakan pakai Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 bagi menggantikan Enakmen Kanun Acara Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1983, walaubagaimanapun peruntukan mengenai hukuman sebat secara keseluruhannya masih lagi sama. Antara pelaksanaan yang digariskan adalah merangkumi prosedur preliminari terhadap banduan; bentuk, saiz dan jumlah sebatan; waktu pelaksanaan hukuman sebat; prasarana sebat; kehadiran pegawai yang terlibat; banduan yang tidak layak; dan yang terakhir golongan pesalah wanita yang tidak boleh disebat .

Menyentuh berkenaan bentuk, saiz dan jumlah sebatan, ETJS 2002 menyatakan bahawa saiz alat sebatan mestilah tidak melebihi 1.22 meter panjang, dan tebalnya pula tidak boleh melebihi 1.25 meter. Dari sudut pelaksanaan pula, digariskan bahawa banduan akan diikat pada satu struktur kayu berbentuk ‘A’ yang dipanggil tripod stand di mana kaki dan tangan pesalah akan diikat di padanya. Muka dan kepala pesalah akan dipegang oleh seorang pegawai utnuk mengelakkan sebarang pergerakan sepanjang proses sebatan berlangsung. Dari

sudut pakaian pesalah pula, pesalah yang dihukum dengan sebatan syarie dibenarkan memakai pakaian yang menutup aurat yang nipis. Ini sangat berbeza jika dibandingkan dengan sebatan menurut undang-undang sivil, di mana pesalah hanya dipakaikan cawat untuk melindungi kemaluannya sahaja.

Selain itu, seksyen 8 ETJS pula menyebut berkenaan pukulan sebat hendaklah secara sederhana seolah-olah tangan sedang mengepit senashkah Al-Quran. Bukan itu sahaja, apa yang lebih menarik perhatian pengkaji ialah, apabila pegawai penjara membilang “satu” ke atas pukul pertama, tetapi pukulan tersebut telah tersasar dan mengena anggota lain, maka sebatan tetap diteruskan dengan bilangan seterusnya tanpa perlu mengulangi pukulan.

Berdasarkan kajian yang dilakukan Mohd Azhar (Azhar, 2021) untuk melihat kesan sebatan syarie terhadap pesalah di negeri Sabah dan Aceh, beliau mendapati bahawa, dua orang pesalah yang dikenakan sebatan syarie di negeri Sabah mengatakan bahawa sebatan syarie tidak menyakitkan, malah diibaratkan seperti ‘gigitan semut’ sahaja. Mereka turut tidak mengalami sebarang kesan pada kulit. Di Aceh pula, pesalah yang menjalani dua sebatan mengatakan tidak sakit, pesalah yang menjalani lima sebatan mengatakan bahawa ianya menyakitkan, namun hanya terdapat kesan merah pada kulit luar sahaja. Manakala pesalah yang menjalani sebanyak tiga puluh tujuh sebatan mengatakan ianya sederhana sakit. Menurutnya kesakitan dirasakan pada sebatan ke sepuluh dan kian bertambah sehingga akhir. Walaubagaimanapun hanya kesan lebam dan kehitaman sahaja yang terdapat di kulit belakangnya. Tiada sebarang pecah kulit mahupun kelukaan.

Dari sudut falsafah pemberian pengajaran kepada pesalah, kesemua pesalah mengakui bahawa mereka mengalami perasaan malu, malahan perasaan tersebut bermain di fikiran menyebabkan mereka serik mengulangi kesalahan yang dilakukan. Perkara ini turut terbukti apabila tidak terdapat sebarang rayuan oleh kesemua pesalah tersebut, menunjukkan bahawa hukuman tersebut diterima dengan rela hati. Jelaslah kepada kita bahawa sebatan syarie memberi jaminan bahawa ianya tidak mencederakan pesalah, namun tetap memberi pengajaran yang berkesan.

Justeru, cadangan hukuman sebatan syarie dengan maksimum sehingga seratus kali sebatan ini dilihat sesuai untuk diluluskan, sementelah sebatan menurut syarak ini begitu menjaga kemaslahatan pesalah itu sendiri. Dengan adanya sistem dan prasarana yang lengkap, hukuman sebatan pasti dapat dijalankan mengikut lunas-lunas syarak dengan sebaiknya. Selebihnya, terserah kepada Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk menetapkan kadar bersesuaian yang akan dilaksanakan di negeri masing-masing.

KESIMPULAN

Hukuman sedia ada dalam Akta 355 yang sedang diguna pakai pada hari ini semakin tidak relevan dengan keperluan negara Malaysia. Pelbagai isu dan cabaran telah timbul akibat kedudukan mahkamah syariah masih di tahap yang rendah, dengan nilai hukuman yang lebih rendah daripada nilai hukuman bagi Mahkamah Majistret Kelas Pertama.

Cadangan untuk meningkatkan nilai hukuman daripada penjara tidak lebih tiga tahun atau denda tidak lebih RM5,000 atau sebat tidak lebih enam sebat atau gabungan hukuman itu, kepada penjara maksimum tiga puluh tahun, atau denda tidak melebihi RM100,000 atau sebatan syarie sebanyak seratus sebatan, atau gabungan hukuman tersebut, merupakan langkah praktikal dalam usaha mengembalikan keizzahan mahkamah syariah serta mengecilkan jurangnya dengan Mahkamah Sivil, seterusnya membantu membendung kes-kes jenayah syariah melibatkan orang Islam di negara ini. Perkara ini turut dipersetujui oleh Pendakwa Syarie Negeri Perak Darul Ridzuan, Puan Husna binti Abu Hassan hasil daripada temubual yang dilakukan oleh pengkaji. Beliau meyakini bahawa sekiranya cadangan ini berjaya diluluskan, kes-kes jenayah syariah di Malaysia pasti akan mengalami penurunan.

Lantaran itu, berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji dapat menyenaraikan beberapa cadangan yang difikirkan boleh menjadi panduan atau tindakan susulan pihak yang berautoriti. Terdapat pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan negeri dalam urusan penggubalan undang-undang di peringkat negeri. Walau bagaimanapun penggubalan undang-undang yang khusus melibatkan undang-undang syariah negeri belum dilaksanakan

sepenuhnya oleh kebanyakan negeri di Malaysia. Negeri-negeri melalui Jawatankuasa Penggubalan yang ditubuhkan di bawah Majlis/Agama Islam Negeri disarankan untuk bertindak lebih awal dan agresif dalam menggubal undang-undang yang bersesuaian dengan *waqi'* negeri masing-masing. Hal ini supaya tempoh yang diperlukan untuk penguatkuasaan undang-undang baru dapat dijimatkan dengan mengambil kira proses penaiktarafan ini yang berkemungkinan mengambil masa yang panjang.

PENGHARGAAN

Jutaan penghargaan dirakamkan kepada Puan Husna Qalina Abu Hassan selaku Pendakwa Syarie Negeri Perak atas kesudian beliau memberi buah fikiran dan pandangan selaras dengan peruntukan undang-undang negara berkaitan kajian atas Keperluan Rang Undang-Undang 355: Analisis Terhadap Usul Persendirian Yang Berhormat Ahli Parlimen Marang.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengesahkan tiada konflik kepentingan dalam penulisan artikel ini sama ada atas kapasiti peribadi atau faktor kewangan dan selainnya.

SUMBANGAN PENULIS

Farah Najwa Mazida mengumpulkan bahan literatur dan merangka draf penulisan artikel. Siti Aisyah Samudin membentuk kerangka kajian, menganalisis data kajian dan mengedit penulisan artikel.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

A. H Zulkifkli (2020) Konsep Hukuman Menurut Undang-Undang Malaysia

Al-Qaradawi, Yusuf. 2000. *Min al-Fatawa al-Mucasirah*. Al-Kuwayt: Dar al-Qalam.

Bahrudin, F. N. M., Abd Khafidz, H., & Aini, Z. (2018). Denial of Sister in Islam (SIS) Against Fatwa And It's Institution In Malaysia. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 12(1), 1-9.

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002.

Ismail S.Z (2017), *Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Ismail, S. Z. (2004). Pengalaman Negeri Kelantan Dalam Melaksanakan Hukuman Sebat Rotan Terhadap Kesalahan Jenayah Syariah. *Jurnal Syariah*, 12(1), 101-110.

Ismail, S. Z. (2014). Hudud Dan Undang-Undang Jenayah Syariah Dalam Kerangka Perlumbagaan dan Sistem Perundangan “Dualisme”: Komitmen Pelaksanaan Ke Arah Membendung Jenayah Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 22(2), 193-212.

Ismail, S. Z. (2012). Kajian Semula Terhadap Undang-Undang Jenayah Syariah. Dlm Siti Shamsiah Md Supi (pnyt). *Korpus Undang-Undang Islam di Malaysia: Semakan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Ismail, S. Z. (2014) Mendepani Krisis Moral: Cabaran Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Syariah [2014] 2, *Shariah Law Reports Articles* (ShLRA).

Ismail S.Z (2017), *Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Jamal J. (2014) Pentadbiran Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia. [2014] 1 SHR.

Muhaimin M. (2020), *Intervensi Undang-Undang Jenayah Syariah Terhadap Hak Privasi Muslim di Malaysia*, 4 MLJ lxii Muhammad, D. (2015). *Falsafah Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah: Satu Penghayatan Semula*. *Jurnal Kanun*. Januari, (1), 7-32.

Nasri, M. S. (2018). Akta 355 dan Perkembangan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Dalam Perkara Jenayah di Malaysia. *Journal of Law*.

Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Ketiga Belas Penggal Kelima Mesyuarat Pertama (Bil. 20), bertarikh 06 April 2017.

Prof. Ahmad Ibrahim, ‘Al-Ahkam Jilid 2: Undang-Undang Pentadbiran Keadilan Jenayah di Malaysia’, DBP, Kuala Lumpur, cetakan pertama 1990, hlm. 81. Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 [Akta 559]

Sulaiman, Z., & Buang, A. (2021). Keabsahan dan Pemakaian Arahan Amalan dalam Pentadbiran Kehakiman dari Perspektif Undang-Undang Syariah dan Sivil: Suatu Perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 33(1), 29-50 .

Wan Ahmad Fauzi, W. H., Anisah, C. N., Mohamed Anwar, O. D., & Hanif, M. L. (2017). Raja-raja dalam penginstitusian Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957: satu kajian sejarah perundangan.

Warta Kerajaan Negeri Selangor (2014), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Jil. 67, No. 16.

Zulkifli A. H. (2015) *Falsafah Hukuman Menurut Perspektif Syariah: Satu Pengenalan* [2015] 1 LNS(A) xiv.

“Memahami Pindaan Akta 355 dan Impaknya Kepada Rakyat Malaysia” (17 Oktober 2016). Laman sesawang Sisters in islam diakses pada 3 Jun 2021 [http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.1443.121Governance, 1\(1\), 77-90.](http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.1443.121Governance, 1(1), 77-90.)

“Penggunaan Garis Panduan Dan Etika ...” - laman sesawang Jurnal Kanun <http://jurnalkanun.dbp.my> › 2014/12 (diakses pada 3 Jun 2021)

“Statistik Daftar Kes Jenayah Syariah Seluruh Malaysia”, laman web Portal Data Terbuka, diakses pada 19 Jun 2021. <https://www.data.gov.my/app/set-data-terkini>

TEMUBUAL

Temubual Puan Husna Qalina Abu Hassan (Pendakwa Syarie, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Perak Darul Ridzuan) menerusi temubual secara dalam talian bersama penulis, 16 Jun 2021.

